

Headline	Balak hijaukan Tasik Chini Mei ini		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Feb 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	446 cm ²
Journalist	Oleh NORAWAZNI YUSOF	AdValue	MYR 9,455
Frequency	Daily	PR Value	MYR 28,365



Balak hijaukan Tasik Chini Mei ini

Kerja-kerja pemulihan menanam semula pokok balak di kawasan seluas 200 hektar cecah 70 peratus

Oleh NORAWAZNI YUSOF

PEKAN

Projek penanaman semula pokok balak untuk pemulihan di kawasan bekas tapak lombong bijih besi seluas 200 hektar di Hutan Simpan Chini termasuk persekitaran Tasik Chini sudah mencapai 70 peratus.

Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur I) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Nurfazliza Kamarulbahrin berkata, kerja-kerja penanaman pokok itu dijangka siap sepenuhnya pada Mei depan.

Menurutnya, bagaimanapun pemantauan secara berkala tetap akan diteruskan oleh kakitangan JPNP dalam memastikan pokok balak membesar pada tahap memuaskan.

"Pemulihan kawasan ini memerlukan beberapa proses seperti

menggemburkan tanah dengan meletakkan tanah hitam di kawasan penanaman kerana tanah di kawasan bekas lombong sudah tidak mempunyai kandungan baja organik untuk menyokong pembesaran pokok.

"Selepas itu, proses menanam pokok penutup bumi termasuk pokok balak yang dilakukan secara berperingkat mengikut kawasan yang telah dikenal pasti. Fasa pertama telah mencapai kejayaan yang begitu membanggakan apabila mencapai hampir seratus peratus tanah yang terbuka sebelum ini ditutupi pokok penutup bumi.

"Di kawasan bekas lombong turut dibina benteng atau ban bagi mengelak berlaku aliran air hujan ke dalam Tasik Chini yang terkenal dalam kalangan pelancong tempatan dan luar negara," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Sebanyak 3,000 pokok balak ditanam di kawasan seluas 10 hektar sempena kempen penanaman lima juta pokok di Tasik Chini di sini pada Ahad.

Program yang berlangsung selama dua hari itu disertai Pengarah JPNP, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin dengan

penglibatan lebih 150 sukarelawan daripada 28 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agen-



Mohd Hizamri (dua, kanan) menanam pokok balak sempena kempen penanaman lima juta pokok di Tasik Chini di sini pada Ahad.

si kerajaan termasuk masyarakat setempat.

Beliau yang memantau projek berkenaan menjelaskan, kaedah yang digunakan itu kini dilihat berhasil dan peratus pertumbuhan serta pembesaran pokok amat membanggakan.

Katanya, semua pihak mahu melihat kawasan di Tasik Chini dipenuhi kehijauan semula selepas kerja-kerja pemulihan dilakukan.

"Sokongan yang diberikan tenaga pakar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam berkongsi kepakaran menambahkan kejayaan yang diusahakan.

"Kerjasama semua pihak terutama kerajaan negeri menjadi senjata utama kepada kejayaan memulihkan kawasan berkenaan," ujarnya yang merancang mengadakan banyak lagi program menghijaukan Tasik Chini

pada masa akan datang.

Sementara itu, Mohd Hizamri berkata, program berkenaan diadakan dalam usaha memulihkan kawasan bekas tapak lombong bijih besi seluas 200 hektar di situ.

Katanya, selain pelbagai spesies pokok balak berkualiti tinggi turut ditanam ialah empat jenis tumbuhan penutup bumi yang akan menghijaukan kawasan berkenaan dalam tempoh masa singkat.

Pihaknya mula aktif memulihkan kawasan bekas lombong di Hutan Simpan Chini sejak kira-kira lima tahun lalu namun sebelum ini Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah melakukan usaha yang sama.

"Spesies pokok balak berkualiti tinggi berusia antara setahun hingga dua tahun yang ditanam di kawasan terpilih dalam Hutan Simpan Chini ialah merawan siput jantan, meranti temak nipis, balau laut dan batai.

"Bukan mudah untuk kita memulihkan kawasan terabit namun dengan pengalaman, usaha berkenaan kini berjalan lancar hasil sokongan kerajaan negeri serta menunjukkan hasil memuaskan," katanya.